

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK KOH NAI KWONG

TARIKH: 25 NOVEMBER 2014

SOALAN:

Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik bilangan syarikat yang mengguna pakai sistem upah berkaitan produktiviti (PLWS) sejak 1996 dan keberkesanan sistem PLWS dalam meningkatkan produktiviti dan daya saing pekerja dalam syarikat-syarikat berikut. Apakah usaha kementerian dalam meningkatkan kegunaan sistem PLWS oleh majikan di seluruh negara.

PR-1323-L64152

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

1. Sistem Upah Yang Dikaitkan Dengan Produktiviti(PLWS) mula diperkenalkan semenjak tahun 1996 dan sehingga kini sebanyak 76,872 majikan melaksanakan PLWS di syarikat mereka. Manakala seramai 3,210,898 orang pekerja telah menikmati faedah daripada pelaksanaan tersebut.
2. Di antara faedah-faedah / keberkesanan pelaksanaan PLWS adalah seperti berikut;

- i. Pembayaran upah akan diselaraskan mengikut prestasi ekonomi dan ini akan mengurangkan impak negatif terhadap majikan dan pekerja;
- ii. Menjamin kestabilan pekerjaan dengan mengurangkan risiko berlakunya pembuangan pekerja sewaktu kelembapan ekonomi;
- iii. Mewujudkan situasi menang-menang bagi kedua belah pihak;
- iv. Membolehkan syarikat menyelaras polisi mengikut suasana ekonomi;
- v. Memperbaiki pengkhususan kerja mengikut kemahiran dan meningkatkan produktiviti para pekerja; dan
- vi. Meningkatkan motivasi pekerja dan kepuasan bekerja.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Kedua-dua belah pihak iaitu majikan dan pekerja akan menikmati faedah-faedah seperti yang dinyatakan di atas sebagai impak kepada implementasi PLWS di tempat pekerjaan mereka. Hasil kajian yang dijalankan oleh rakan strategik Jabatan

Perhubungan Perusahaan Malaysia (JPPM) iaitu Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) pada tahun 2008 ke atas majikan-majikan yang mempunyai Perjanjian Bersama (dengan izin, *Collective Agreement*) yang melaksanakan PLWS ialah:

- i. Peningkatan produktiviti syarikat telah meningkat daripada 2.64% pada tahun 2006 kepada 5.7% pada tahun 2008, iaitu peningkatan sebanyak 2.53%
- ii. Menjamin kestabilan pekerjaan dan mengurangkan risiko berlakunya pembuangan kerja (dengan izin, *staff turnover*). Dalam kajian tersebut juga membuktikan bahawa berlakunya penurunan daripada segi pembuangan kerja daripada 5.21% pada tahun 2006 kepada 2.14% pada tahun 2008 iaitu penurunan pada kadar 3.07% dilihat sebagai kesan positif dari pelaksanaannya.
- iii. Kadar ketidakhadiran (dengan izin, *Absenteeism*) pekerja juga dapat dikurangkan. Menurut kajian ini wujudnya penurunan ketidakhadiran pekerja dari 8.80% pada tahun 2006 kepada 4.17% tahun 2008) iaitu penurunan sebanyak 4.1% .
- iv. Pengurangan kadar (dengan izin, ***Rejects and Reworks***) dari 5.33%, pada tahun 2006 kepada 2.85% pada tahun 2008 terhadap produk yang dikeluarkan.

4. Pelbagai usaha dan promosi yang dijalankan oleh pihak Kementerian Sumber Manusia(KSM) melalui JPPM. Di antaranya mengadakan seminar atau bengkel serta sesi dialog di peringkat negeri dan simposium peringkat kebangsaan disamping mengadakan promosi melalui sesi wawancara di media elektronik iaitu televisyen ataupun radio serta mengeluarkan iklan PLWS. Selain itu juga pihak Jabatan Perhubungan Perusahaan sendiri telah mengadakan satu portal rasmi *MyPLWS*, yang boleh dilayari melalui URL www.plws.gov.my untuk memberi pendedahan dan pembelajaran secara atas talian (dengan izin, *online*) kepada majikan yang ingin atau berhasrat melaksanakan PLWS di syarikat masing-masing. Jabatan Perhubungan Perusahaan juga mengadakan aktiviti susulan kepada majikan yang berminat untuk melaksanakan PLWS.